

UMP Splash Run 2016 kumpul RM10,000

KUANTAN 27 Sept. - Sebanyak RM10,000 berjaya dikumpul sempena larian amal Universiti Malaysia Pahang (UMP) Splash Run 2016 anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) yang diadakan di UMP kampus Gambang di sini, Sabtu lalu.

Program yang diadakan sebagai inisiatif mengumpul dana bagi Tabung Mygift untuk kebajikan pelajar itu melibatkan penyertaan lebih 1,000 peserta terdiri daripada mahasiswa, badan korporat dan komuniti setempat.

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, penganjuran kali pertama itu mendapat sambutan cukup luar biasa dan semestinya satu usaha yang begitu membanggakan dalam usaha mencari dana tabung kebajikan pelajar.

“Dana yang berjaya dikumpul akan digunakan sepenuhnya untuk membantu pelajar kurang berkemampuan di universiti ini.

“Selain itu, program ini turut mempromosi gaya hidup sihat dalam kalangan pelajar dan warga kampus serta komuniti setempat,” katanya ketika hadir merasmikan dan melepaskan peserta larian baru-baru ini.

Yang turut hadir ialah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Datuk Dr. Yuserrie Zainuddin dan Pendaftar UMP, Abd. Hamid Majid.

Larian amal Splash Run 2016 membabitkan larian sejauh tujuh kilometer bermula dari Kompleks Sukan UMP mengelilingi kampus di Gambang.

Menurut Daing Nasir, selain mengumpul sumbangan daripada pihak luar pihaknya juga mahu membudayakan semangat membantu dan prihatin kepada golongan yang memerlukan.